

10 FEB 2000

Kedutaan/I

MAHATHIR AKAN RASMI KOMPLEKS MALAYSIA YANG BARU DI BANGKOK

Oleh: Muin Abdul Majid

BANGKOK, 10 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan kompleks baru kedutaan Malaysia di ibu negara Thai ini esok.

Beliau akan melakukan upacara itu sebaik sahaja selepas ketibaannya di sini untuk menghadiri Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (Unctad) ke-10.

Duta Malaysia ke Thailand Datuk Syed Ariff Fadzillah hari ini berkata pembinaan kemudahan itu melambangkan hubungan rapat yang dikongsi bersama antara kedua-dua negara berjiran itu.

Projek itu dilaksanakan bersama oleh firma pembinaan Malaysia, Percon dan Siam Syntech, Thailand.

"Ia melambangkan falsafah kerjasama melalui usahasama syarikat dari kedua-dua negara," katanya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan mesyuarat Unctad X.

Syed Ariff berkata walaupun kompleks itu telah siap pada Disember 1998, adalah wajar bagi Perdana Menteri merasmikannya.

Kompleks berwarna kelabu-kecoklatan itu dibina di kawasan bangunan kedutaan sedia ada di Jalan South Sathorn di pusat bandar Bangkok yang sibuk ini.

Kompleks itu menempatkan antara lain bangunan canseri, kediaman duta dan kakitangan kedutaan.

Syed Ariff pada masa ini mempunyai 30 kakitangan rakyat Malaysia dan 40 warga Thai dan daripada segi saiz dan bilangan kakitangannya, ia menduduki tempat di belakang London, Tokyo dan Jakarta.

-- BERNAMA

MAM LAT